# Kerjasama Malaysia-Thailand Dalam Membanteras Gerakan Komunis di Perbatasan Malaysia, 1968-1989

Dr. Ho Hui Ling
Jabatan Sejarah
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
hohuiling@um.edu.my

**Perkembangan Penjalinan Kerjasama Malaysia-Thailand di Perbatasan**

| | **Perjanjian/Persetujuan** | **Hasil Persetujuan** | **Mesyuarat dan Kerjasama/Masalah** |
|---|---|---|---|
| 1. | Perjanjian Sempadan dicapai dalam Persidangan Songkhla di Songkhla, Thailand (6-7 Januari 1949) | - Kerjasama mengawal kawasan sempadan<br>- Pasukan Polis Sempadan dibentuk<br>- Pertukaran maklumat | - |
| 2. | Perjanjian Sempadan Polis Persekutuan Tanah Melayu-Thailand - 1 September 1949 di Bangkok | - Polis rondaan dibenarkan melintasi sempadan negara sehingga 10-30 batu dari kawasan sempadan | - |
| 3. | Perjanjian Sempadan Malaysia-Thailand - 13 Mac 1965 di Kuala | - Jawatankuasa Am Sempadan (*General Border Committee*/GBC) | **Mesyuarat GBC:**<br>a. 9 Mac 1967 di Kuala Lumpur - bincang strategi yang lebih |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Lumpur (Gambar 1) | antara Malaysia-Thailand dibentuk<br>- Pusat Perisikan Bersekutu *(Combined Intelligence Center)* ditubuhkan di Songkhla<br>- Jawatankuasa Sempadan Wilayah (*Regional Border Committee*/RBC) telah dibentuk di Songkhla<br>- Penubuhan sebuah Pasukan Pengawal Sempadan<br>- Pasukan Pengawal Sempadan dibenarkan berada di sebelah negara jiran selama | berkesan dalam membanteras komunis, meliputi pengumpulan maklumat perisikan oleh pegawai bertugas.<br>b. 4 Julai 1968 di Kuala Lumpur - atas permintaan Malaysia berikutan serangan hendap komunis terhadap di Kroh pada 17 Jun 1968 (Gambar 2).<br>c. 6 September 1969 di Kuala Lumpur – Tentera Udara Malaysia dan Tentera Udara Thailand diarahkan menjalankan rondaan di ruang udara di kawasan sempadan; usaha untuk memenangi kerjasama penduduk di kawasan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | 24 jam berturut-turut ketika operasi membanteras komunis dijalankan | sempadan oleh pentadbiran tempatan. |
| 4. | Perjanjian Kerjasama Sempadan Malaysia-Thailand ditandatangani di Bangkok - 7 Mac 1970 (setelah semakan perjanjian di perkara 3 di atas) | - Pasukan keselamatan berada selama 72 jam di negara jiran sejauh lima batu ketika operasi dilancarkan<br>- Pesawat negara jiran boleh melintasi ruang udara negara jiran untuk mengesan dan mengebom komunis | **Mesyuarat GBC:**<br>a. 30 September 1970 di Kuala Lumpur - menggalakkan komunis serta mereka yang sesat terpengaruh dengan komunis itu menyerah diri; rondaan bersama Tentera Laut Diraja Malaysia dan Thailand di kawasan perairan untuk mencegah aktiviti penyeludupan melalui laut.<br>b. 18 Mei 1971 di Bangkok – kedua-dua pihak bersetuju kerjasama diteruskan.<br>c. 8 Oktober 1971 di Kuala |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | Lumpur - meningkatkan rondaan tentera laut di kawasan perairan sempadan, meningkatkan operasi ketenteraan di daratan dan gerakan saraf kepada penduduk yang tinggal di kawasan sempadan.<br><br>d. 30 Mei 1972 di Bangkok - Malaysia dan Thailand bertukar-tukar pandangan tentang usaha yang diambil dalam mengawal kawasan sempadan dan mengawal gerakan komunis di negara masing-masing.<br><br>e. 28 Disember 1972 di Kuala Lumpur - meningkatkan lagi perbincangan tentang kerjasama pertahanan dan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | kawalan keselamatan di kawasan sempadan.<br><br>f. 2- 7 Jun 1973 di Kuala Lumpur - membincangkan cara-cara untuk memelihara keselamatan bersama di laut dan darat sepanjang sempadan; bersetuju membentuk satu kumpulan bersama bagi menyiasat sebarang kejadian melibatkan kehilangan nyawa dan harta. |
| 5. | Satu lagi perjanjian kerjasama sempadan ditandatangani di Pulau Pinang pada 24-25 Julai 1976 (Presiden Thailand dengan Tun Hussein Onn) | | **Masalah:**<br><br>Pada tahun 1976 tercetus salah faham mengenai peranan angkatan tentera Malaysia yang bergerak ke kawasan sempadan Thailand dalam usaha memburu komunis tetapi diselesaikan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | setelah berlaku pertukaran kerajaan di Thailand pada Oktober 1976. |
| 6. | Pada Mac 1977, satu perjanjian sempadan baru telah ditandatangani | - Pasukan keselamatan Malaysia dibenarkan menyeberangi sempadan Thailand dalam Menjalankan operasi memburu komunis sebagaimana yang dilakukan sebelumnya | **Mesyuarat GBC:**<br>a. 25 November 1981 di Pulau Pinang - meneruskan kerjasama pertahanan di kawasan sempadan; melancarkan lebih banyak lagi operasi ketenteraan bagi mengesan serta memusnahkan tempat persembunyian komunis.<br>- Turut menghasilkan 5 cadangan untuk meningkatkan kawalan keselamatan di sempadan:<br>i. Melindungi nyawa dan harta benda penduduk di |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | kawasan sempadan.<br>ii. Menghapuskan semua aktiviti haram pasukan bersenjata, penyamun dan komunis Thailand serta komunis Malaysia.<br>iii. Meningkatkan keadaan ekonomi di kawasan sempadan.<br>iv. Menghapuskan persengketaan antara orang Islam dengan bukan Islam.<br>v. Menggalakkan orang Islam mengambil bahagian dalam pentadbiran kerajaan Thailand.<br><br>b. 26 Ogos 1982 di Kuala Lumpur - persetujuan dicapai meneruskan operasi keselamatan di sepanjang kawasan sempadan bagi mematahkan kegiatan politik dan ketenteraan komunis. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | c. 30 Oktober 1983 di Bangkok – selain mengawasi kawalan keselamatan turut dipersetujui memperluaskan penyelarasan dan kerjasama dalam usaha melaksanakan langkah-langkah sosioekonomi di kawasan sempadan.<br><br>- perkhidmatan feri antara Tak Bai di sebelah Thailand dan Pengkalan Kubor di Kelantan serta pembinaan sebuah rumah api di muara Sungai Golok.<br><br>d. 25 Oktober 1984 di Kuala Lumpur - dipersetujui untuk meningkatkan rondaan di laut dan darat bagi mengelakkan aktiviti penyeludupan senjata api di perbatasan. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | e. 17 Februari 1986 di Bangkok - membenarkan anggota keselamatan masuk ke kawasan jiran sehingga 11 batu jauhnya untuk mengesan dan memburu komunis; tentera Thailand berikhtiar menghalang PKM menyeludup masuk ke kawasan Thailand.<br><br>**Masalah:**<br>- 1980-an, hubungan dua hala Malaysia dengan Thailand sedikit keroh kerana persepsi ancaman yang berbeza dan keutamaan ancaman yang tidak sama.<br><br>- Malaysia dituduh menjadi penghalang dalam usaha Thailand menghapuskan kumpulan pemisah Islam |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | Pattani yang dilihat sebagai ancaman utama negaranya berbanding dengan isu komunisme.<br><br>- Bagi Malaysia, tindakan Thailand berbaik-baik dengan PKM melalui Rancangan Pengampunan (*The Amnesty Offer*) kepada anggota komunis di sempadan diambil tanpa menghormati pendirian Malaysia.<br><br>- Kerajaan Thailand bersedia memberi bantuan kepada anggota komunis yang menyerah diri termasuk bantuan kewangan (elaun hidup) dan tanah untuk bercucuk tanam; menempatkan mereka di "Kampung Persahabatan" (dari Betong ke Sadao). |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | - Konflik antara dua negara jiran itu tidaklah berpanjangan kerana faktor kejiranan dan kerjasama melalui ASEAN telah berjaya meredakan keadaan.<br><br>- Kerajaan Thailand memberi keutamaan kepada keselamatan kawasan di selatan Thailand- usaha membangun dan menjadikan bandar di selatan sebagai kawasan tarikan luar, pusat sumber ekonomi dan pelancongan. |

**Pencapaian Hasil Kerjasama Malaysia-Thailand**

| | Operasi | Hasil Pencapaian Operasi Bersama Malaysia-Thailand |
|---|---|---|
| 1. | Operasi pada 31 Mac 1969 | - seorang gerila komunis ditawan<br>- sebuah kubu besar komunis yang boleh memuatkan 150 orang dijumpai (22 pondok, 2 dapur, 1 padang perbarisan dan 1 dewan) - terletak jauh dalam hutan di atas Bukit Kuyi yang berdekatan sempadan Malaysia |
| 2. | Gerakan pada November 1970-Februari 1971 (tiga bulan) di kawasan sempadan | - 13 orang komunis dibunuh, 3 ditawan, 3 menyerah diri<br>- 2 kem komunis dimusnahkan |
| 3. | 1971 - Operasi Chaiyo (di selatan Thailand) dan Operasi Setia (utara Perak) | - masing-masing seorang komunis telah dapat dibunuh |
| 4. | Daoyai Musnah I | - 17 orang komunis dibunuh dan 25 orang |

| | | |
|---|---|---|
| | dilancarkan pada 14 Januari 1977-5 Februari 1977 (selama 22 hari) berdekatan Sadao | dicederakan<br>- alat senjata serta 5,000 butir peluru milik komunis dirampas<br>- 9 kem dan tempat simpanan makanan dimusnahkan |
| 5. | Daoyai Musnah II dilancarkan pada 14 Mac 1977-14 April 1977 (30 hari) | - 19 orang komunis dibunuh dan 32 orang dicederakan<br>- Daoyai Musnah I dan II – daripada 3,000 orang tentera Malaysia yang mengambil bahagian, 1 terbunuh dan 1 cedera terkena jerangkap samar komunis |
| 6. | Operasi Cahaya Bina I dan II (14 Julai 1978-4 September 1978) di kawasan Betong dan Weng, serta Operasi Selamat Sawadee (24 April 1978-1 Julai 1980) di kawasan Betong | - 70 orang komunis dibunuh dan 17 orang ditawan<br>- 18 kem besar yang boleh menampung 200 hingga 300 orang serta sejumlah kem kecil ditawan |

| | | |
|---|---|---|
| 7. | Mac 1979 - operasi bersama pasukan keselamatan Malaysia dan Thailand di daerah Sadao, Thailand.<br><br>-untuk menawan pusat gerakan komunis di Sadao yang dipercayai mengarahkan dan melakukan penyusupan ke Semenanjung Malaysia. | - membunuh 12 orang komunis dan mencederakan 24 orang komunis lain |
| 8. | 12 Mac 1982 – Operasi "Thamai Satu" | Ini adalah kali pertama pasukan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Tentera Udara Diraja Thailand (TUDT) melancarkan serangan bersama untuk mengebom tempat persembunyian komunis di sepanjang sempadan |
| 9. | Julai 1983 - Ogos 1984 | - 4 komunis dibunuh, 39 dicederakan, 48 orang menyerah diri<br><br>- pihak keselamatan - 2 anggota keselamatan Malaysia |

| | | |
|---|---|---|
| | | dan 10 anggota keselamatan Thailand terbunuh |
| 10. | Februari - awal April 1985 di kawasan sempadan | - 14 orang komunis dibunuh dan sejumlah dicederakan<br>- 8 kem komunis di kawasan Betong ditawan<br>- Turut dirampas makanan (230 bungkus beras), ternakan (60 ekor babi, 30 ekor itik, 20 ekor ayam, 20 ekor burung merpati), sebuah televisyen 20 inci, 200 liter petrol, sejumlah senjata dan jerangkap samar |
| 11. | 11 Februari 1986 - Operasi Taksin 8601 | - sebuah kem komunis dengan 10 bangsal yang dapat menampung 50 orang ditemui (dipercayai pangkalan rejimen ke-12 PKM) - terletak kira-kira 10 km ke utara Betong di selatan Thailand<br>- sebuah lagi kem yang digunakan sebagai stesen radio bawah tanah PKM ditawan (16km utara Betong) |




Gambar 1: Perjanjian antara Malaysia dan Thailand ditandatangani pada 13 Mac 1965 di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.
Gambar menunjukkan Ketua Marshal Udara Thailand, Tun Dawee Chullasapya, juga Pengerusi Ketua Turus Bersatu, Pemerintahan Keselamatan Kebangsaan (kiri) dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia, Tun Dr. Ismail bin Dato Haji Abdul Rahman, menandatangani Perjanjian itu bagi pihak negara masing-masing.

*Sumber: Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.*



Gambar 2: Jawatankuasa Am Sempadan mengadakan mesyuarat khas di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur pada 4 Julai 1968. Mesyuarat bertujuan untuk mencari jalan meningkatkan usaha bersama Malaysia dan Thailand dalam menghadapi ancaman komunis di sepanjang sempadan. Gambar menunjukkan ahli-ahli jawatankuasa sedang bertafakur selama satu minit bagi memperingati anggota pasukan polis hutan Malaysia yang terbunuh dalam serang hendap komunis pada 17 Jun.
Dari kiri: Leftenan Jeneral Tan Sri Kriangsak Chomanan, Tuan Yang Terutama Tuan Lek Tantemsapya (Duta Besar Thailand), Tun Dawee, Tun Razak, Encik Hamzah bin Dato Abu Samah (Menteri Muda Dalam Negeri).

*Sumber: Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.*